

Manuskrip MS 666 Karya Shaykh Daud al-Fatani: Satu Refleksi Awal

BITARAVolume 1, Issue 4, 2018: 107-119
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>**Muhammad Akmal R.Azmi¹ & Faudzinaim Badaruddin¹**

Abstrak

Makalah ini akan memperkenalkan salah satu karya tasawuf karangan Shaykh Daud al-Fatani yang membahaskan mengenai tasawuf peringkat *muntahi* (peringkat tertinggi) dan masih berbentuk manuskrip bertulisan tangan. Tujuan makalah ini adalah untuk mendedahkan kewujudan sebuah manuskrip nadir karya Shaykh Daud al-Fatani yang jarang dibincangkan kepada umum. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan merujuk manuskrip MS 666 koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia karya Shaykh Daud al-Fatani. Secara umumnya, kandungan manuskrip tersebut membicarakan mengenai fana, tiga martabat ketuhanan di dalam Martabat Tujuh, martabat tauhid dan jawapan pengarang terhadap beberapa isu dan pertanyaan berkaitan tasawuf dan makrifah. Makalah ini mendapati bahawa manuskrip ini mencerminkan suasana pemikiran dan perbincangan tasawuf peringkat *muntahi* yang berkembang dan tersebar secara meluas yang ditulis sekitar abad ke-19 oleh para ulama alam melayu nusantara.

Kata Kunci

Manuskrip, MS 666, Shaykh Daud al-Fatani, Martabat Tujuh, Wahdat al-Wujud

Cite This Article:

Muhammad Akmal R.Azmi & Faudzinaim Badaruddin. 2018. Manuskrip MS 666 Shaykh Daud al-Fatani: Satu refleksi awal. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(4): 107-119.

Pengenalan

Kitab jawi secara umumnya memainkan peranan penting dalam tradisi pendidikan Islam tradisional. Ia menjadi medium dan sumber utama sebagai teks pembelajaran di institusi-institusi pendidikan seperti pondok dan pesantren yang bukan hanya di alam melayu nusantara sahaja, malah tersebar hingga ke Asia Tenggara dan juga Timur Tengah. Kitab-kitab berunsur keagamaan yang ditulis oleh para ulama merangkumi pelbagai disiplin ilmu merangkumi akidah, fiqah, tasawuf dan juga ilmu falak yang ditulis dalam pelbagai bahasa. Namun, kitab keagamaan bertulisan jawi yang luas tersebar ke alam melayu nusantara yang masih boleh didapati dalam bentuk manuskrip bertulisan tangan mahupun yang bercetak. Sehubungan dengan itu, makalah ini akan memperkenalkan dan membincangkan sebuah manuskrip tasawuf bertulisan tangan karya Shaykh Daud al-Fatani.

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Faudzinaim Badaruddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: fnaim@ukm.edu.my

Riwayat Hidup Shaykh Daud al-Fatani

Nama penuh beliau ialah Wan Daud bin Wan Abdullah bin Wan Idris al-Fatani. Ayah beliau bernama Wan Abdullah bin Wan Idris Bin Tok Wan Abu Bakar Bin Tok Kaya Pandak Bin Andi Faqih Ali Datuk Maharajalela (Wan Mohd Saghir 2018: 9, Mohamad & Wan Sabri 2003: 4, Francis R. Bradley 2016: 64, Abdull Rahman Mahmood 2006: 34).

Para pengkaji berselisih pendapat dalam menentukan tarikh dan tempat sebenar kelahiran Shaykh Daud al-Fatani. Wan Mohd Saghir (2018: 23) memberikan tiga tarikh kelahiran Shaykh Daud al-Fatani iaitu pada 1720M/1133H, 1740M/1153H dan 1769M/1183H. Manakala menurut Ismail (2012: 16), Shaykh Daud al-Fatani dilahirkan pada 1183H/1769M berdasarkan pendapat Haji Nik Ishak Tikat. Namun, tarikh ini disanggah oleh Wan Mohd Saghir dengan berasaskan kepada karya Haji Muhammad Nur Marzuqi Tuk Jum al-Fatani yang berjudul *Majmu' al-Hadith li Tahrik al-Na'imin* yang tercatat wawancara yang berlaku di antara Shaykh Uthman Jalaluddin dengan Haji Abu Bakar yang pada ketika itu berusia 150 tahun. Perbualan tersebut berlaku sekitar tahun 1910M/1328H (al-Fatani t.th.).

Menurut Wan Mohd Saghir (1991: 4), jika dihitung tarikh perbualan di antara Shaykh Uthman Jalaluddin dengan Haji Abu Bakar iaitu pada 1328H/1910M dengan ditolak usia Haji Abu Bakar iaitu 150 tahun maka Haji Abu Bakar dilahirkan sekitar tahun 1178H/1763M. Oleh yang demikian, sekiranya Shaykh Daud al-Fatani dilahirkan pada tahun 1183H/1769M menurut pendapat Ismail Che Daud maka ini menunjukkan Haji Abu Bakar lebih tua usianya berbanding dengan Shaykh Daud al-Fatani. Menurut Wan Mohd Saghir (1991: 5), pendapat ini dilihat ganjil dan tidak boleh diterima kerana sewaktu Haji Abu Bakar bertemu dengan Shaykh Daud al-Fatani, beliau pada ketika itu masih kecil lagi dan Shaykh Daud al-Fatani pula pada ketika itu sudah menjadi ulama yang masyhur di Mekah dan mempunyai penulisan kitab yang banyak. Jika pada ketika itu Shaykh Daud al-Fatani sudah menjadi ulama masyhur manakala Haji Abu Bakar pula masih pada usia yang masih kecil, adalah mustahil Haji Abu Bakar lebih tua berbanding dengan Shaykh Daud al-Fatani. Oleh itu, tarikh kelahiran Shaykh Daud al-Fatani yang dikemukakan menurut pendapat Ismail Che Daud ditolak sama sekali.

Walau bagaimana pun, Wan Mohd Saghir Abdullah telah menemukan satu tarikh yang lebih awal iaitu tahun 1131H/1718M sebagai tarikh yang paling tepat berdasarkan kenyataan Tuan Guru Haji Abdul Hamid Bin Haji Abdul Qadir al-Senawi di dalam karya beliau Risalah Bahasan Niat Sembahyang yang menyatakan umur Shaykh Daud al-Fatani sampai 166 tahun. (Haji Abdul Hamid t.th).

Pengkaji lain seperti Faudzinaim Badaruddin turut menolak pendapat Ismail Che Daud kerana berdasarkan fakta dan maklumat, Shaykh Daud al-Fatani telah berguru dengan Shaykh 'Isa bin Ahmad Al-Barrawi yang wafat pada tahun 1182H/1768M, Shaykh Muhammad 'Abd al-Karim al-Samman yang wafat pada tahun 1189H/1775M dan Sulaiman Bin Yahya bin Umar Maqbul al-Ahdal yang wafat pada tahun 1197H/1783M (Wan Mohd Saghir 1991: 23-26, Azyumardi 2013: 343-344; Faudzinaim 1998: 76).

Selain itu, apabila melihat kepada karya penulisan Shaykh Daud al-Fatani yang terawal ialah berjudul *Kifayah al-Muhtaj fi al-Isra' wa al-Mi'raj* dan selesai ditulis pada tahun 1204H/1789M. Menurut Faudzinaim Badaruddin, sekiranya Shaykh Daud al-Fatani dilahirkan pada tahun 1183H/1769M, maka karya tersebut selesai ditulis ketika beliau berusia 20 tahun. Usia ini agak muda dan lebih logik untuk disimpulkan Shaykh Daud al-Fatani telah menjadi

ulama besar di Mekah terlebih dahulu sebelum beliau mula menulis kitab (Faudzinaim 1998: 74).

Menurut Faudzinaim Badaruddin (2016: 98), beliau lebih bersetuju dengan tahun 1740 sebagai tahun kelahiran Shaykh Daud al-Fatani berdasarkan dua pendapat iaitu sarjana dan pengkaji lain seperti Virginia Matheson dan M.B. Hooker menyatakan bahawa Shaykh Daud al-Fatani telah menyambung rehlah keilmuan beliau ke Mekah ketika masih dalam usia remaja dan berkemungkinan sekitar umur 28 tahun beliau telah menjadi murid kepada Shaykh 'Isa bin Ahmad Al-Barrawi (Matheson & Hooker 1988: 19-21).

Mengenai tarikh kewafatan Shaykh Daud al-Fatani turut menjadi perbezaan dalam kalangan pengkaji. Ismail (2012: 53-55) dan Ahmad Fathy al-Fatani (2002: 37-39) mengatakan bahawa Shaykh Daud al-Fatani telah wafat pada 22 Rejab 1262H/16 Julai 1846M ketika berusia 77 tahun. Menurut Faudzinaim Badaruddin (1998: 73), karya penulisan terakhir Shaykh Daud al-Fatani yang dapat diketahui sehingga kini ialah *al-Bahjah al-Marḍiyyah* yang telah selesai penulisannya pada tahun 1843 Masihi dan dianggarkan Shaykh Daud al-Fatani meninggal dunia sekitar pertengahan abad ke-19 iaitu antara tahun 1844 Masihi hingga 1849 Masihi.

Shaykh Daud al-Fatani merupakan tokoh yang produktif dalam menghasilkan pelbagai karya penulisan. Karya beliau yang dapat diketahui sehingga kini mencecah 66 buah merangkumi pelbagai genre termasuklah akidah, fiqh dan tasawuf.

Deskripsi Manuskrip MS 666

Manuskrip tasawuf yang menjadi fokus perbincangan ini adalah hasil karangan Shaykh Daud al-Fatani. Walau bagaimanapun, manuskrip ini tidak mempunyai judul. Menurut Wan Mohd Saghir Abdullah (1991), karya ini tidak sempat diberi judul oleh Shaykh Daud al-Fatani. Apabila melihat kepada katalog dan kajian daripada para sarjana, manuskrip tanpa judul ini diberikan judul dengan tajuk “Kitab Ilmu Tasawuf”. Berdasarkan penelitian penulis, keberadaan manuskrip ini yang dapat dijejaki berjumlah 3 naskhah. 2 naskhah di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dengan no rujukan MSS 666 (A) dan MSS 2526 (A) dan (B). 1 naskhah lagi adalah koleksi Wan Mohd Saghir Abdullah dari Khazanah Fathaniyah. Namun, bagi penulisan makalah ini, penulis hanya merujuk satu naskhah manuskrip sahaja iaitu manuskrip yang bernombor MS 666 (A), koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.

Manuskrip MS 666 (A) berukuran 25 x 18 cm dan menggunakan kertas *laid* Eropah berwarna putih kekuningan. Teks dan kertas masih dalam keadaan baik dan utuh. Manuskrip ini dihimpunkan bersama-sama sebuah manuskrip lagi di dalam satu naskhah iaitu manuskrip yang berjudul *Diya' al-Murid fī Ma'rifah Kalimah al-Tawhīd* yang mewakili no rujukan MS 666 (B). Kedua-dua manuskrip tersebut dikarang oleh Shaykh Daud al-Fatani seperti yang tertera pada kolofon. Manuskrip MS 666 (A) bermula pada halaman 1 hingga halaman 11. Satu helaian mengandungi 23 baris perkataan. Manuskrip ditulis dengan khat bebas dan menggunakan tinta berwarna hitam bagi keseluruhan teks manakala terdapat juga tinta berwarna merah untuk perkataan arab merangkumi ayat al-Quran dan hadis serta beberapa perkataan melayu. Manuskrip MS 666 (A) tidak terdapat nama penyalin dan tarikh penyalinan. Pada akhir kolofon tertera bahawa manuskrip tasawuf ini dikarang oleh Shaykh Daud al-Fatani dan selesai penulisannya pada malam ahad, 15 Ramadhan, 1233 Hijrah/1818 Masihi.

Isi Kandungan Manuskrip MS 666 (A)

Berdasarkan kepada penelitian penulis, perbahasan-perbahasan yang terkandung di dalam manuskrip ini adalah berkaitan dengan tasawuf peringkat *muntahī* (peringkat tertinggi). Apabila melihat karya penulisan Shaykh Daud al-Fatani yang lain, karya tasawuf bercorak sebegini yang membahaskan mengenai teori atau doktrin tasawuf terdapat 3 buah iaitu kitab *Manhal al-Safi fi Bayan Ramz Ahl al-Sufi*, kitab *Kanz al-Minan* dan manuskrip MS 666 (A). Penulis membahagikan kepada beberapa bahagian yang sesuai dengan perbincangan yang terkandung di dalam manuskrip tersebut. Secara umumnya, isi kandungannya mengandungi mukaddimah, fana, tiga martabat ketuhanan di dalam Martabat Tujuh, faedah pada menyatakan martabat tauhid, khatimah dan masalah (Shaykh Daud 1818).

Mukaddimah

Pada permulaan kitab, Shaykh Daud al-Fatani memulakan mukaddimah dengan ucapan basmalah dan diikuti dengan puji-pujian terhadap Allah s.w.t serta selawat kepada baginda Nabi Muhammad s.a.w. Shaykh Daud al-Fatani tidak menyatakan tujuan beliau menulis karya ini. Kemudian diteruskan perbahasan dengan menjelaskan konsep fana.

Fana

Selepas mukaddimah, terus Shaykh Daud al-Fatani membahaskan secara ringkas mengenai fana dan keadaan berlakunya fana yang merupakan ahwal sufi yang tertinggi yang boleh dicapai oleh para salik dalam perjalanan menuju Allah s.w.t. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Ketahui olehmu hai orang yang menu[n]tut jalan yang sebenarnya [bahawa] adalah orang yang arifin itu apabila fana mereka itu daripada *fi 'il-Nya* dan sifat-Nya dan zat-Nya sebab tajalli Allah pada hati mereka itu dengan *af' al-Nya* dan sifat-Nya dan zat-Nya maka hapuslah daripada wujudnya itu serta wujud tuhanNya. Dan melihat[lah] mereka itu [bahawa] tiada gerak dan diam dan alam dan yang hidup dan tiada ada yang maujud melainkan Allah. Maka tiada ia mengenal Allah melainkan dengan Allah. Dan tiada [yang] berzikir akan Allah melainkan [dengan] Allah. Dan tiada ada yang maujud melainkan Allah. Maka dinamakan martabat itu [dengan] *fana' al-fana'* kerana ia fana daripada segala akwan dan fana pula dirinya itu”

Tiga Martabat Ketuhanan di dalam Martabat Tujuh

Selepas daripada itu, Shaykh Daud al-Fatani membahaskan pula mengenai tiga martabat ketuhanan di dalam Martabat Tujuh. Tiga martabat yang disebut adalah martabat ketuhanan yang qadim dan azali iaitu *Ahadiyah*, *Wahdah*, *Wahidiyyah*. Sedangkan empat lagi martabat yang tidak disebut ialah martabat alam atau makhluk yang baharu iaitu *'alam arwah*, *'alam*

mithal, 'alam ajsam dan 'alam insan. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Maka erti *Ahadiyah* itu ibarat daripada *Kunhi Zat-Nya* semata-mata dengan tiada *qaiyid*. Dan dinamakan *La Ta'aiyun zat al-Buhti*. Dan martabat *Wahdah* itu dinamakan *Ta'aiyun Awwal*, dan dinamakan pula [dengan] *Haqiqat al-Muhammadiyah*, iaitu ibarat daripada *ta'luq* ilmu-Nya kepada segala perkara atas *tariq*. Sebab itulah dinamakan [ia dengan] *Haqai'q Ghaibiyah* dan *Shu'un Zatiyah*, ijmāl tiada jalan *tafsil* padanya. Dan martabat *Wahidiyyah* itu dinamakan *Ta'aiyun Thani* dan *Haqiqat al-Insan* iaitu *ta'luq* ilmu-Nya kepada segala perkara ini atas jalan *tafsil*. Seperti *ta'luq* langit akan langitnya dan insan akan insan dan hayawan akan hayawannya”

Seterusnya Shaykh Daud al-Fatani menyatakan tidak boleh seseorang itu mendakwa bahawa dia telah sampai makrifah kepada Allah s.w.t selagi belum sempurna taraqqinya pada martabat *ta'aiyun awwal*. Dakwaan sebegini boleh menjadikan seseorang itu mulhid dan jatuh ke dalam kekufuran. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Yakni jika orang yang belum sempurna taraqqinya pada martabat *Ta'aiyun Awwal* dan hanya ia pada martabat *Ta'aiyun Thāni* atau pada martabat *a'yan kharijah*. Maka tiada harus ia mendakwakan dirinya itu dan sekalian[nya] [adalah] Ia, yakni Allah. Maka jika dakwanya yang demikian, padahal ia tiada pada martabat *Ta'aiyun Awwal* dan tiada hapus pada pandangannya yang lain daripada Allah itu, tetapi maujud padanya bagi yang lain daripada Allah [ber]serta Allah. Maka dakwanya itu [adalah] salah istimewa pula jika didakwanya dirinya itu [adalah] Allah, maka jadi[lah] ia [seorang] mulhid dan kufur, [yang] jatuh di dalam *Bahr dalal, Na'uzu bi Allah*”

Kemudian daripada itu, Shaykh Daud al-Fatani menghuraikan perbezaan konsep hubungan diantara Tuhan dan makhluk. Tidak boleh seseorang makhluk itu menjadi Tuhan dan pada hakikatnya ia tetap makhluk jika ia *taraqqi* dan sampai kepada martabat *itlaq* sekalipun dan tidak boleh Tuhan itu menjadi makhluk dan pada hakikatnya Ia tetap Tuhan jua jika Tuhan itu *tanazzul* dan *bertajalli* pada alam dengan rupa yang dikehendaki-Nya. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Maka nyatalah dengan [per]kata[an] ini bahawa hamba itu hamba jua dan tuhan itu tuhan jua. Tiada dapat hamba itu menjadi tuhan jika ia naik pada martabat *itlaq* sekalipun. Dan tiada dapat pula tuhan itu menjadi hamba dan jika ia turun ia kepada *tajalli* barang [apa] rupa yang dikehendaki-Nya. Maka kerana inilah berkata setengah daripada orang yang arifin:

الْعَبْدُ عَبْدٌ وَإِنْ تَرَقَّى وَالرَّبُّ رَبٌّ وَإِنْ تَنَزَّلَ

“Bermula hamba itu hamba jua dan jika ia naik kepada *itlaq* sekalipun dan tuhan itu, tuhan jua dan jika Ia turun, sekalipun kepada pihak *tajalli* barang [apa] rupa yang dikehendaki-Nya”

Seterusnya Shaykh Daud al-Fatani memetik perkataan daripada Shaykh Abd al-Rauf al-Fansuri al-Singkeli di dalam kitab yang berjudul *Daqa'iq al-Huruf* mengenai persoalan bagi seseorang yang berkehendak kepada sesuatu dengan hanya menyebut perkataan “*kun*” dan ianya terjadi seperti yang dikehendaki. Maka dijawab bahawa tidak harus mengatakan sedemikian itu kerana Nabi Muhammad s.a.w tidak mengungkapkannya. Orang yang ‘*arif billah*’ yang telah sempurna maqamnya serta *taraqqinya* kepada Allah s.w.t. tidak mengapa menghidayatkannya dan wajib mentakwilkan. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Kata Shaykh Abd al-Rauf Fansuri di dalam *Daqa'iq al-Huruf*, soal: jika berkata [se]seorang apa hukum apabila [se]seorang daripada hamba Allah tiap-tiap dikehendakinya akan sesuatu, maka dikata[kan] baginya ‘*Kun*’, yakni: “jadi[lah] engkau maka jadi ia. Adakah harus baginya mengatakan dirinya keadaan Haq atau tiada? Maka jawab bahawa tiada harus baginya mengatakan yang demikian itu. [Per]kata[an] Nabi *Salla Allah ‘alayh wa Sallam* terlebih [baik] daripada segala makhluk itu tiada ia mengatakan dirinya demikian itu. Hanya mengatakan dirinya hamba bagi Allah dan dengan Dia jua [yakni Allah] wujudnya dan ia milik bagi-Nya jua”. Maka jangan kita kata yang demikian supaya jangan keluar daripada kandang Nabi kita Muhammad *Salla Allah wa Sallam* seperti kata [Shaykh] Sayyidi *Ahmad al-Qushashi*:

وَالْكَمَالُ فِي إِتْبَاعِ الرَّسُولِ

“Dan yang sempurna itu pada mengikut Rasulullah”

Tetapi jika [se]seorang daripada orang yang kamil mengata[kan] yang demikian itu menghidayatkan ia padahal Martabat *Ahadiyah* ataupun mengajarkan muridnya, seperti yang tersebut dahulu, tiada mengapa. Dan dikatakan oleh orang yang *kamil mukammil* [akan] [per]kata[an] yang demikian itu padahal tiada kita tahu akan qashadnya, nescaya wajib atas kita me[n]taslimkan [per]kata[an]nya itu kepada ahlinya. Seperti kata Shaykh Zarruq *radiy Allah ‘anh*:

فَسَلِّمْ تَسَلِّمْ

“Maka serahkan olehmu [per]kata[an] itu kepada yang empunya[nya] nescaya sejahtera engkau.” Atau takwilkan jika ada engkau daripada ahlinya.

Seterusnya Shaykh Daud al-Fatani mengatakan bahawa seseorang itu tidak akan sampai kepada makrifatullah jika tidak beriktikad dengan iktikad *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan

tidak berpegang dengan syariat dan tarekat Nabi Muhammad s.a.w. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Maka tiada sampai [se]seorang pada maqam hakikat tauhid ini melainkan orang yang sah iktikadnya dan muafakat pula iktikadnya itu bagi Ahli Sunnah wal Jamaah dan berjalan pada zahir[nya] jalan syariat yakni mu[a]fakatlah zahir dengan *Syariat Muhammadiyyah* dan batinnya dengan *Tariqat al-Muhammadiyyah* hingga jadi merdeheka ia daripada *Riq al-Aghyar* dan terbuka segala hijab *Bi Aghyar* dan *Anwar*.”

Selanjutnya Shaykh Daud al-Fatani menghuraikan wujudnya perbezaan di antara *a'yan thabitah* dan *a'yan kharijah* yang mana *a'yan thabitah* bersifat qadim dan *a'yan kharijah* bersifat baharu. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Dan jangan sangka *a'yan kharijah* ini asalnya itu daripada *a'yanthabitah*. Maka iaitu mustahil kerana [*a'yan*] *thābitah* itu [adalah] qadim dan *a'yankharijah* itu [adalah] baharu. “*Mithal bi la Tasyabbuh*”. U[m]pama [se]seorang yang mengetahui ia akan rupa perahu. Maka adalah rupanya perahu itu ada pada *Dhihinnya*, tiada [atau belum] wujud perahunya. Kemudian ia berbuat perahu seperti yang pada maklum di dalam *Dhihin*, maka jadi perahu. Maka adalah yang di dalam maklum itu kekal seperti itu jua kerana tiada boleh bercerai daripada diri, kerana sifatnya. Dan yang [di]jadikan itu u[m]pamanya dan bayangannya dan asalnya”

Kemudian, Shaykh Daud al-Fatani mengatakan seseorang itu tidak akan sampai kepada maqam *Wahdat al-Wujud* jika tidak menjalani jalan syariat dan tarekat. Jika ada yang mendakwa bahawa mereka telah sampai pada maqam *Wahdat al-Wujud* dan sempurna makrifahnya kepada Allah s.w.t tanpa menjalani jalan syariat dan tarekat maka yang demikian itu adalah dusta dan tenggelam di dalam lautan kesesatan. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Dan setengah daripada pekerjaan yang mustahil pada akal dan pada syarak [ialah] sampai [se]seorang kepada maqam fana yang dinamakan *Wahdat al-Wujud* orang yang tiada menjalani dengan syariat dan tariqat, maka ia dapat haqiqat, [maka] yang demikian itu [adalah] dusta dakwa[an]nya dan orang yang dakwa syaitan. Dan segala [per]kata[an]nya itu tiada dengan *zauq* dan hanya khabaran jua. Dan di mana ada boleh ia dapat *zauq* pada orang sesat di dalam *Bahr Zindiq* dan *Ikhwan Shaytan*”.

Shaykh Daud al-Fatani turut menjelaskan bahawa tiada lagi pada zaman beliau orang yang ahli dalam membicarakan ilmu hakikat terutamanya mengenai martabat tujuh melainkan dengan suluk dan bimbingan guru yang murshid. Kenyataannya seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Maka hendaklah kita peliharakan diri kita daripada iktikad ini dan jangan didengarkan orang yang membicarakan *Ilmu Haqiqat* dan istimewa pula pada bicara *Martabat Tujuh* kerana tiada lagi pada zaman sekarang ahlinya di Makkah dan

Madinah yang Zahir istimewa pula di Jawi melainkan dakwa jua adanya. Maka tiada ia tahu haqiqat, maka betapa ia dapat *ilmu Haqiqat* pada hal *Ilmu Usul* belum ia tahu [dengan] baik dan *Ilmu Syariat* yang Zahir tiada dapat ia faham pada pekerjaan ibadat yang fardhu dan sunat dan sah dan batalnya istimewa pula ia mengetahui *Ilmu Tariqat*. Dan jauh sehingga-hingga jauh ia daripada *Ilmu Haqiqat* dan merasa *Zauq* dan *Wijdan* yang mengetahui lagi [be]rasa oleh ahlinya itu. Maka takut diri daripada belajar *Ilmu Haqiqat* pada zaman sekarang kerana tiada ada orang yang keperchaya[an] pada agamanya, pada Usul al-Din ilmu yang Zahir lagi mudah. Maka apa pula kita percahayakan dia pada *Ilmu Haqiqat* yang tiada sampai kepadanya melainkan dengan *Suluk* pada guru yang *mursyid* lagi yang *Wasil ila Allah Taala* dengan *Zauq* dan *Wijdannya* yang didapatnya dengan *Shuhud* dan *a'yan* maka tiada lagi berkehendak kepada dalil dan *Burhan*”

Faedah Pada Menyatakan Martabat Tauhid

Kemudian daripada itu, Shaykh Daud al-Fatani menjelaskan pula mengenai martabat tauhid yang terbahagi kepada empat iaitu Tauhid Uluhiyah, Tauhid Af'al, Tauhid Sifat dan Tauhid Zat. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud al-Fatani, 1818):

“Bermula martabat tauhid itu terbahagi atas empat martabat: Pertama: Tauhid Uluhiyah namanya. Iaitu menafikan ketuhanan daripada segala yang lain daripada Allah Taala dan [meng]isbatkan dia kepada-Nya. Kedua: Tauhid Af'al namanya. Iaitu menafikan fi'il yang hakiki daripada segala yang lain daripada Allah Taala dan mengisbatkan dia kepada-Nya. Ketiga: Tauhid Sifat. Iaitu menafikan segala sifat yang hakiki daripada segala yang lain daripada Allah Taala dan mengisbatkan dia kepada-Nya. Keempat: Tauhid Zat namanya dan *Tauhid Wujud Haqiqi* pun namanya iaitu menafikan wujud yang haqiqi daripada segala yang lain daripada Allah dan mengisbatkan dia kepada-Nya”

Khatimah

Pada bahagian khatimah adalah penjelasan Shaykh Daud al-Fatani terhadap empat peringkat martabat tauhid. Menurut Shaykh Daud al-Fatani, ke empat-empat peringkat martabat tauhid ini terkandung di dalam kalimah لا اله الا الله yang menafikan ketuhanan segala yang lain daripada Allah s.w.t dan mengisbatkan-Nya. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Khatimah. Maka terkandunglah tauhid yang empat itu di dalam katamu لا اله الا الله kerana *Manṭuqnya* menu[n]jukkan *Tauhid al-Uluhiyah*. Kerana menafikan ketuhanan daripada segala yang lain daripada Allah dan me[ng]isbatkan dia kepada-Nya. Maka mafhumnya, apabila kita [me]nafikan sifat ketuhanan daripada Allah kerana *naqisnya* dan thabitlah ia bagi Allah kerana sempurna-Nya nescaya lazimlah nafi daripada-Nya fi'il dan sifat dan zat kerana *naqis* (kekurangan) dan thabitlah sekaliannya itu bagi Allah [kerana sempurna-Nya bukan yang lain-Nya]. Dan nyatalah dengan

[per]kata[an] itu, barangsiapa mengucapkan لا اله الا الله nescaya adalah menempati ia me[n]tauhidkan Allah dengan tauhid yang empat martabat itu.”

Masalah

Pada bahagian yang terakhir ini, Shaykh Daud al-Fatani membuat penutup dengan menjawab beberapa pertanyaan. Antaranya adalah mengenai makna sebuah hadis Nabi Muhammad s.a.w. Kenyataannya seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Jika ditanya orang, “Apa erti makna hadis Nabi *Salla Allah ‘alayh wa Sallam*:

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

Ertinya: ‘Barangsiapa mengetahui akan dirinya maka [bahawa]sanya ia mengetahui akan Tuhannya.’ Maka betapa mengenal akan dirinya yang dapat mengenal akan Tuhannya?’

Jawab: Ertinya: mengenal dirinya yang disebut pada hadis itu iaitu ‘Nafsi’ (diri) yang diistilahkan pada loghat itu: ‘zatnya dan haqiqatnya, bukan nafsu yang dinamakan perangnya’. Yang disebut oleh *Ahl al-Sufi* iaitu [ada] tujuh nafsu: Setengahnya *Ammarah* dan setengah *Lawammah*, setengahnya *Mulahhamah*, setengah *Radiyah*, setengahnya *Mardiyyah*, setengahnya *Kamilah* dan lainnya. Bukan nafsu [yang tersebut] itu yang dikehendak pada hadis dan hanya yang dikehendaknya zatnya dan haqiqatnya [dan] kejadiannya. Maka ertinya: barangsiapa mengetahui akan dirinya jirim yang bersusun daripada beberapa anasir yang empat iaitu: *tanah* dan *angin* dan *api* dan *air* lagi berdiri padanya segala *aradh*. Maka diketahuinya akan tuhannya bukan *jirim* dan bukan *aradh*”.

Kemudian Shaykh Daud al-Fatani membahaskan mengenai proses awal-awal kejadian makhluk yang dijadikan oleh Allah s.w.t iaitu Nur Nabi Muhammad s.a.w. Beberapa kenyataan ringkasnya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Maka awal-awal kejadian [yang dijadikan oleh] Allah *Subhanah wa Ta‘ala* itu, iaitu turun Nabi kita Muhammad *Salla Allah ‘alayh wa Sallam* daripada Nur-Nya. Maka jadilah demikian Nur itu berkeliling dengan Quadrat-Nya sekira-kira barang yang dikehendaki [oleh] Allah Taala. Dan tiada pada ketika itu *Lauh* dan *Qalam* dan *Arash* dan *Kursi* dan lainnya. Maka dinyatakan roh Nabi kita Muhammad *Salla Allah ‘alayh wa Sallam* dan iaitu dinamakan Nur yang *Mubham*, yang Ghaib, yang dinamakan dengan *Haqiqat al-Muhammadiyah* yang ia daripada martabat *Wahdah*”.

Shaykh Daud al-Fatani kemudiannya menghuraikan mengenai hadis Nur Muhammad. Mereka yang mengiktikadkan Nur Muhammad s.a.w adalah sama dengan Nur Allah s.w.t adalah sama dengan iktikad golongan kristian (nasrani) dan iktikad orang-orang yahudi. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Maka tatkala adalah atas segala takdir ini tiada sah bahawa dikatakan Nur Muhammad itu setengah daripada Nur Allah Taala. Maka kita ketahuilah daripada katanya: “مِنْ نُورِهِ” itu [adalah] *Nur Sifat Allah Taala*. Kerana segala Sifat Allah Taala sekaliannya dinamakan Nur. Dan jikalau kita ambil dengan zahir hadis ini, nescaya adalah Nur Muhammad itu jadi qadim. Maka adalah tatkala adalah Nur Muhammad itu [adalah] Allah, maka patut disembah pula. Maka adalah orang yang mengiktikadkan seperti iktikad itu, iaitu bersama ia dengan iktikad Nasrani (kristian) [yang] mengata ia: “Isa itu anak Allah setengah daripada Tuhan yang disembah”. Dan muafakat dengan iktikad Yahudi yang berkata ia: “Uzair itu anak Allah dan ia setengah daripada Tuhan yang disembah”. Maka jadilah iktikad itu Mulhid [dan] Zindiq”

Shaykh Daud al-Fatani seterusnya membahaskan perihal iktikad fasik dan iktikad segala kafir jahiliyah bagi mereka yang mengiktikad bahawa wajib segala amal ibadah dan kebajikan mestilah ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w dahulu dan tidak akan sampai amal ibadah dan kebajikan kepada Allah s.w.t tanpa melalui perantaraan Nabi Muhammad s.a.w. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Disebutkan di dalam *Risalah Wahdat al-Wujud* karangan Shaykh ‘Abd al-Ghani Nablusi *Rahimah Allah Ta’ala*:

“Dan demikian lagi setengah daripada iktikad yang fasid iaitu bahawasanya mengiktikadkan bahawasanya wajib kita mengerjakan segala kebajikan, dan ibadat, dan taat ini kepada roh Nabi kita. Dan segala amal dan taat ini kerana menyampaikan kepada Allah. Kerana ia *Wasitah* kita antaranya dan antara Tuhannya. Maka tiada dapat sampai segala ibadat kita itu kepada Allah melainkan [terlebih dahulu sampai] kepada Nabi jua. Maka ialah yang menyampaikan kepada Allah Taala. Maka [hal seperti] ini pun iktikad segala kafir jahiliyah dahulu daripada Islam yang menyembah berhala seperti firman Allah Taala:

مَا نَعْبُدُ هُوَ لَأَمْ شَفَعَانَا عِنْدَ اللَّهِ

[Maksudnya]: “Segala berhala itu me[n]syafaat[kan] akan kami [ke]pada Allah Taala”.

Maka adalah orang yang mengiktikadkan yang demikian itu bersamalah dengan iktikad orang kafir jahiliyah.

Pada bahagian akhir bab ini, Shaykh Daud al-Fatani menjelaskan mengenai kewajipan setiap orang mengiktikadkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w merupakan pesuruh Allah s.a.w, penghulu segala *anbiya*’ dan penutup bagi segala nabi-nabi serta perlu bertakwa kepada Allah s.w.t. Kenyataannya adalah seperti berikut (Shaykh Daud 1818):

“Dan wajib kita iktikadkan keadaannya Nabi Muhammad [*Salla Allah ‘alayh wa Sallam*] itu pesuruh Allah akan sekalian makhluk. Ialah penghulu segala *Anbiya’* dan ialah *Khitam al-Mursalin*. Dan wajib kita ikut barang yang ia suruh, dan kita jauhkan segala yang ditegah. Dan tiada sampai [se]seorang [kepada Allah] melainkan mengikut barang yang ia perbuat, dan barang yang ia suruh dengan perkataannya iaitu mengesakan Allah dan menunggalkan ibadat kepada Allah. Jangan disekutukan dengan yang lain.

Analisis Isi Kandungan Manuskrip MS 666 (A)

Hasil daripada analisis dan penelitian penulis, isi kandungan dan perbincangan adalah khusus untuk para salik yang menempuh jalan menuju kepada Allah s.w.t serta golongan yang terlibat secara langsung dengan tarekat dan tasawuf. Secara ringkasnya, sinopsis isi kandungan boleh dibahagikan kepada 3 bahagian seperti berikut:

1. Bahagian awal: Permulaan manuskrip dimulakan seperti genre-genre kitab agama yang lain seperti pujian dan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w dan diteruskan perbincangan mengenai fana lalu diikuti tiga martabat ketuhanan yang qadim di dalam Martabat Tujuh. Beberapa persoalan mengenai hubungan ontologi antara tuhan dan makhluk dan perbezaan antara *a‘yān thabitah* dan *a‘yan kharijah* dihuraikan secara terperinci.
2. Bahagian tengah: Bahagian ini dijelaskan mengenai 4 peringkat martabat tauhid merangkumi Tauhid Uluhiyah, Tauhid Af‘al, Tauhid Sifat dan Tauhid Zat. Terdapat tajuk kecil yang disebut pengarang sebagai “khatimah” yang menjelaskan ke semua peringkat martabat tauhid tersebut terkandung di dalam kalimah لا اله الا الله.
3. Bahagian akhir: Pada bahagian terakhir terdapat satu tajuk kecil yang disebut pengarang sebagai “masalah”. Bahagian ini merupakan pertanyaan mengenai hadis مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ dan mengenai hadis Nur Muhammad. Pertanyaan dijawab dan dihuraikan secara terperinci oleh pengarang.

Beberapa sumber dan karya dirujuk oleh Shaykh Daud al-Fatani di dalam penulisan beliau ini. Secara umumnya, asas utama rujukan Shaykh Daud al-Fatani di dalam karya ini adalah al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad s.a.w. Kemudian diikuti dengan beberapa pandangan ulama. Pada bahagian tiga martabat ketuhanan di dalam Martabat Tujuh, Shaykh Daud al-Fatani merujuk sumber daripada Ibn ‘Arabi, Saidina Ali a.s, Shaykh Muhammad ibn Faḍl Allah al-Burhanpuri al-Hindi di dalam karya *al-Tuhfah al-Mursalah*, Shaykh Junayd al-Baghdadi, Shaykh Ahmad al-Qushashi, Shaykh Abd al-Rauf al-Fansuri di dalam karya *Daqa‘iq al-Huruf*, Shaykh Ahmad Zarruq al-Fasi dan Shaykh Ibn ‘Ata‘illah al-Sakandari.

Seterusnya pada bahagian faedah pada menyatakan martabat tauhid, Shaykh Daud al-Fatani memetik kata-kata Shaykh Ahmad al-Qushashī yang diambil daripada karya *Qasd al-Sabil* dan juga merujuk Shaykh ‘Abd al-Ghani al-Nabalusi dan Shaykh ‘Abd al-Karim al-Jili pada bahagian masalah yang membahaskan mengenai iktikad fasik dan iktikad kafir jahiliyah.

Apabila ditelusuri manuskrip ini, Shaykh Daud al-Fatani seolah-olah menceritakan perihal perjalanan seorang salik yang sudah *wasil* dalam perjalanan menuju kepada Allah s.w.t setelah melalui perit jerih *al-Tajribah al-Sufiyyah*. Pengalaman atau maqam fana itu seolah-olah seperti

jalan masuk untuk menggapai makrifatullah serta baqa' di dalam *Wahidiyyah* Allah s.w.t. (al-Banjari t.th: 26).

Melalui pengalaman seorang salik yang menempuhi pelbagai ahwal dan maqam akhirnya menatijahkan bahawa konsep Wahdah al-Wujud, Martabat Tujuh dan empat peringkat martabat tauhid tersebut kesemuanya terkandung di dalam kalimah *La ilaha illa Allah* iaitu tiada yang wujud melainkan Allah s.w.t sebagai wujud mutlak semata-mata. Perkara ini dapat dilihat apabila Shaykh Daud al-Fatani membahaskan konsep fana dahulu pada permulaan karya beliau dan diikuti dengan penjelasan mengenai tiga martabat ketuhanan dan empat martabat tauhid. Analisis ini juga melihat manuskrip ini dapat dikategorikan sebagai karya tasawuf peringkat *muntahi* (peringkat tertinggi) sebagaimana yang dinyatakan oleh Shaykh Abd al-Samad al-Palembani (t.th. Jil.3: 176) di dalam karya beliau *Siyar al-Salikin* yang membahagikan karya tasawuf kepada tiga peringkat iaitu peringkat *Mubtadi*, peringkat *Mutawassit* dan peringkat *Muntahi*.

Bertitik tolak daripada itu juga, kita dapat melihat bahawa konsep dan perbahasan tasawuf peringkat *Muntahi* ini juga dibahaskan oleh ulama yang sezaman dan sealiran dengan Shaykh Daud al-Fatani seperti Shaykh Abd al-Samad al-Palembani di dalam *Siyar al-Salikin* dan *Zad al-Muttaqin fi Tauhid Rabb al-'Alamin*, Shaykh Muhammad Nafis al-Banjari di dalam al-Durr al-Nafis, Shaykh Abd al- Rauf al-Fansuri, Shaykh Nur al-Din al-Raniri, Shaykh Sham al-Din al-Sumatera'i dan Hamzah Fansuri. Perkara ini secara tidak langsung mencerminkan pemikiran tasawuf pada zaman tersebut.

Kesimpulan

Dapatlah disimpulkan bahawa Shaykh Daud al-Fatani merupakan seorang ulama yang prolific dalam menghasilkan pelbagai karya bukan sahaja dalam bidang akidah dan fiqah malah juga di dalam bidang tasawuf. Sumbangan dari penghasilan karya-karya beliau membuktikan kefahaman dan ketinggian keilmuan beliau di dalam pelbagai bidang. Menurut Shaykh Daud al-Fatani, ilmu tasawuf bukanlah satu kefahaman ataupun doktrin yang boleh difahami secara teori dan taakulan semata-mata sebaliknya ilmu ini bersifat praktikal yang perlu masuk ke dalamnya dengan bimbingan guru murshid yang *kamil*. Justeru, Shaykh Daud al-Fatani telah meninggalkan suatu warisan ilmu untuk dihayati dan diamalkan.

Rujukan

- Abdull Rahman Mahmood. 2006a. Pemikiran Akidah Shaykh Daud al-Fatani. Tesis Dr. Fal. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdull Rahman Mahmood. 2006b. Wahdat al-wujud menurut Syeikh Daud al-Fatani: satu analisis. Dlm. Ahmad Sunawari Long & Zulazmi Yaakob (pnyt). *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, hlm. 16-29. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Fathy al-Fatani. 2002. *Ulama Besar dari Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azyumardi Azra. 2013. *Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*. Jakarta: Kencana Prenadamedia Group.
- al-Fatani, Muhammad Nur Marzuqi Tuk Jum, t.th. *Majmūc al-Ḥadīth lī Tahrik al-Nā'imīn*. t.tp: Matbaah Sahabat Press.
- Fauzinaim Badaruddin. 1998. *Manhalul safi by Shaykh Daud al-Fatani as a specimen of Malay kitab-literature of 18-99cc: text, translation and analysis*. Tesis Dr. Fal. University Of London.

- Faudzinaim Badaruddin. 2016. Syaikh Daud al-Fatani dan tasawuf. Dlm. Farid Mat Zain, Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal, Zamri Arifin & Anwar Fakhri Omar (pnyt). *Ulama Patani Ketokohan dan Keilmuan*, hlm. 97-110. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bradley, F.R. 2016. *Forging Islamic Power And Place: The Legacy of Shaykh Dā'ūd Bin Abd Allah al-Fatani in Mecca and Southeast Asia*. United States Of America: University of Hawaii Press.
- Haji Abdul Hamid Haji Abdul Qadir al-Senawi. t.th. *Risalah Bahasan Niat Sembahyang*. t.tp: Muslim Press Menara.
- Ismail Che Daud. 2012. *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kelantan: Majlis agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Mohamad @ M.d Som Sujiman & Wan Sabri Wan Yusoff. 2003. *Sheikh Da'ud al-Fatani's contribution to Muslim scholarship in Malaysia: Monograph on selected Malay intellectuals*. Kuala Lumpur: Research Centre Internatioal Islamic University Malaysia.
- al-Palembani, Shaykh Abd al-Samad. t.th. *Sīyar al-Sālikīn*. Jil 3. Patani: Matba'at Bin Halabi.
- Shaykh Daud al-Fatani. 1818a. *Kitab Ilmu Tasawuf (Manuskrip Tanpa Judul): MS 666*. Kuala Lumpur: Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Shaykh Daud al-Fatani. 1818b. *Kitab Ilmu Tasawuf (Manuskrip Tanpa Judul): MS 2526*. Kuala Lumpur: Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Matheson, V. & Hooker, M.B. 1988. Jawi literature in Patani: The maintenance of an Islamic tradition. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 61(1): 1-86.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 2018. *Syeikh Daud al-Fathani Pengarang Ulung Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 2017. *Himpunan Karya al-Alim al-Allamah Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fathani*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 1991. Sejarah ringkas Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani dan karya-karyanya. *Prosiding Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat*, hlm. 121-130.
- Wan Mohd Saghir. 2016a. *Tuhfah al-Mursalah al-Alim al-Allamah Syeikh Muhammad Bin Fadhlullah al-Burhanpuri al-Hindi*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 2016b. *Manhal al-Safi Pada Membicarakan Rumuz Sufi & Istilah Tasawuf*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.